



*Risalah*  
PENUNTUT ILMU


1/2025



**Bidāyat al-Hidāyah**  
Permulaan Jalan Petunjuk

Al-Imam al-Mujaddid Hujjat al-Islam Abu Hamid Muhammad bin  
Muhammad al-Ghazali al-Shafi'i al-Ash'ari al-Sufi





# Bidāyat al-Hidāyah

## Permulaan Jalan Petunjuk

Al-Imām al-Mujaddid Ḥujjat al-Islām Abū Ḥāmid Muḥammad bin  
Muḥammad al-Ghazālī al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī al-Šūfī (w.505H)

Terjemahan:

Dr. Abdullaah Jalil





## Adab-adab [pada Malam dan Siang] Jumaat



## Adab-adab Jumaat

Ketahuilah olehmu bahawa sesungguhnya [hari] Jumaat itu adalah merupakan hari raya bagi orang-orang yang beriman. Ia adalah satu hari yang sangat mulia dan Allah telah mengkhususkannya bagi umat ini. Dan padanya ada satu masa (*al-sā'ah*) yang tidak diketahui dengan pasti (*mubhamah*) di mana tidak ada mana-mana hamba Allah ﷺ yang muslim berdoa meminta sesuatu hajat daripada Allah ﷺ pada saat tersebut, melainkan Allah pasti akan memperkenankan baginya permintaannya tersebut.



---

### [Adab-Adab Hari Jumaat]<sup>4</sup>

---



#### [1] Bersedia Sejak Petang Khamis

Pertama: Lakukanlah persediaan bagi hari Jumaat itu sejak dari hari Khamis lagi dengan membersihkan pakaian dan dengan memperbanyak tasbih dan istighfar pada waktu petang hari Khamis. Sesungguhnya waktu tersebut menyamai kemuliaannya dengan waktu hari Jumaat.

---

#### Berpuasa Jika Mampu Dan Tidak Makruh

Dan berniatlah untuk berpuasa pada hari Jumaat tetapi engkau hendaklah melakukan puasa tersebut bersama hari Khamis atau hari

---

<sup>4</sup> Di antara amalan-amalan ibadah yang dianjurkan pada malam Jumaat ialah: membaca surah al-Kahfi, surah Yāsīn, surah al-Mulk, surah al-Dukhān, memperbanyak selawat dan solat sunat ḥifz al-Quran.

Sabtu kerana terdapat larangan bagi berpuasa pada hari Jumaat secara tunggal.



## [2] Mandi Sunat Jumaat

Kedua: Apabila telah masuk waktu Subuh [dengan terbitnya fajar šādiq], maka hendaklah engkau mandi [sunat Jumaat]. Sesungguhnya:

«غَسْلُ الْجُمُعَةِ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُحْتَلِمٍ»

“Mandi pada hari Jumaat itu adalah wajib (maksudnya: sangat dituntut) ke atas semua orang yang telah baligh.”

Kalimah wajib di sini memberi maksud bahawa ia adalah satu tuntutan yang *thabit* dan sangat ditekankan [oleh Syariat].



## [3] Berhias dan Memakai Wangian

Ketiga: Kemudian, hendaklah engkau berhias dengan memakai pakaian berwarna putih kerana sesungguhnya ia adalah pakaian yang paling dicintai oleh Allah ﷺ. Dan gunakanlah sebaik-baik minyak wangi yang ada di sisimu dan bersungguh-sungguhlah dalam membersihkan tubuh badanmu dengan bercukur, menggunting [bulu misai], memotong kuku jari, bersiwak, dan melakukan semua bentuk pembersihan diri dan semua bentuk usaha bagi mendapat bau wangian yang baik.



## [4] Pergi Awal Ke Masjid

Keempat: Kemudian, hendaklah engkau pergi ke masjid jamek pada awal pagi hari dan berjalan ke arahnya dengan tidak tergesa-gesa dan tenang. Sesungguhnya Rasulullah ﷺ telah bersabda:

«مَنْ رَاحَ إِلَى الْجُمُعَةِ فِي السَّاعَةِ الْأُولَى فَكَأْنَاهَا قَرْبًا بَدْنَهُ، وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الثَّانِيَةِ فَكَأْنَاهَا قَرْبًا بَقْرَةً، وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الْثَالِثَةِ فَكَأْنَاهَا قَرْبًا كَبِشًا أَقْرَنَ، وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الرَّابِعَةِ فَكَأْنَاهَا قَرْبًا دَجَاجَةً، وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الْخَامِسَةِ فَكَأْنَاهَا أَهْدِيَ بِيَضْنَةً. إِذَا خَرَجَ الْإِمَامُ طَوَّيَ الصَّحْفَ، وَرَفَعَ الْأَقْلَامَ، وَاجْتَمَعَتِ الْمَلَائِكَةُ عَنْدَ الْمِنْبَرِ يَسْتَمِعُونَ الْذِكْرَ»

“Barang siapa yang pergi menuju ke solat Jumaat, pada bahagian masa yang pertama, maka dia seumpama mengorbankan seekor unta.

Dan barang siapa yang pergi menuju ke solat Jumaat, pada bahagian masa yang kedua, maka dia seumpama mengorbankan seekor lembu.

Dan barang siapa yang pergi menuju ke solat Jumaat, pada bahagian masa yang ketiga, maka dia seumpama mengorbankan seekor kambing biri-biri.

Dan barang siapa yang pergi menuju ke solat Jumaat, pada bahagian masa yang keempat, maka dia seumpama mengorbankan seekor ayam.

Dan barang siapa yang pergi menuju ke solat Jumaat, pada bahagian masa yang kelima, maka dia seumpama menghadiahkan sebiji telur.

Dan apabila imam telah keluar, buku-buku catatan pun ditutup dan pena-pena pun diangkat dan para malaikat pun berhimpun di sekitar mimbar untuk mendengar zikir (khutbah)."

Dan dikatakan (/diriwayatkan bahawa):

«إِنَّ النَّاسَ فِي قُرْبِهِمْ عِنْدَ النَّظَرِ إِلَى وَجْهِ اللَّهِ تَعَالَى عَلَى قَدْرِ بُكُورِهِمْ إِلَى الْجُمُوعَةِ»

"Sesungguhnya orang ramai itu, dari sudut dekatnya [kemuliaan mereka] tatkala diberi nikmat melihat Allah ﷺ [di syurga kelak], maka ia adalah berdasarkan keadaan masa awalnya mereka keluara untuk pergi menuju solat Jumaat."



---

## [5] Duduk Di Saf Yang Hadapan Dan Paling Dekat Dengan Imam

---

Kelima: kemudian apabila engkau telah memasuki masjid jamek, maka hendaklah engkau mencari saf yang pertama.



---

## [6] Tidak Menyakiti Orang Lain

---

Ke-enam: apabila orang ramai telah pun berhimpun di dalam masjid tersebut, maka janganlah engkau melangkah bahu-bahu mereka [kerana itu menyakiti mereka dan mengurangkan pahala Jumaatmu].



---

## [7] Melakukan Solat Sunat Sebelum Duduk Di Dalam Masjid

---

Ketujuh: dan janganlah engkau lalu di hadapan mereka yang sedang melakukan solat. Dan duduklah berdekatan dengan tiang atau dinding

agar orang lain tidak boleh lalu di hadapanmu dan janganlah engkau duduk sehingga engkau selesai melakukan solat sunat Taḥiyyat al-Masjid.

Dan sebaik-baiknya hendaklah engkau melakukan solat sunat [mutlak] empat rakaat, di mana engkau membaca pada setiap rakaat surah al-Ikhlas sebanyak 50 kali.

Jadual 1: Solat Sunat Mutlak Empat Rakaat Dengan 200 Surah Al-Ikhlas

Rakaat	Bacaan Selepas Al-Fatiḥah	Kadar
Pertama	Surah al-Ikhlas	50 kali
Kedua	Surah al-Ikhlas	50 kali
Ketiga	Surah al-Ikhlas	50 kali
Keempat	Surah al-Ikhlas	50 kali
Jumlah		200 kali

Sesungguhnya terdapat riwayat yang menyatakan:

أَنْ مَنْ فَعَلَ ذَلِكَ لَمْ يَمْتَحِنْ حَتَّىٰ يُرَىٰ مَقْعِدُهُ مِنَ الْجَنَّةِ أَوْ يُرَىٰ لَهُ

“sesungguhnya barang siapa yang melakukan sedemikian maka dia tidak akan meninggal dunia sehinggalah dia melihat tempatnya di syurga atau diperlihatkan [kepada orang beriman yang lain] tempatnya itu.”

Dan janganlah engkau meninggalkan solat Taḥiyyat al-Masjid walaupun imam sedang berkhutbah pada waktu itu, [tetapi lakukanlah ia dengan ringkas].

Dan adalah dari perkara yang disunatkan pada hari ini atau malamnya untuk seseorang itu bersolat empat rakaat dengan membaca empat surah iaitu surah al-An‘ām, surah al-Kahfi, surah Tāhā dan surah Yāsīn.

Jadual 2: Empat (4) Surah Dalam Empat Rakaat: Pilihan 1

Rakaat	Bacaan Selepas Al-Fatiḥah	Kadar
Pertama	Surah al-An‘ām	1 kali
Kedua	Surah al-Kahfi	1 kali
Ketiga	Surah Tāhā	1 kali
Keempat	Surah Yāsīn	1 kali

Dan sekiranya engkau tidak mampu melakukannya, maka bacalah surah Yāsīn, surah al-Dukhān, surah Alif Lām Mīm al-Sajadah, dan surah al-Mulk.

Jadual 3: Empat (4) Surah Dalam Empat Rakaat: Pilihan 2

Rakaat	Bacaan Selepas Al-Fatiḥah	Kadar
Pertama	Surah Yāsīn	1 kali
Kedua	Surah al-Dukhān	1 kali
Ketiga	Surah al-Sajadah	1 kali
Keempat	Surah al-Mulk	1 kali

Dan janganlah engkau meninggalkan membaca surah-surah ini pada malam Jumaat kerana padanya fadilat yang sangat banyak. Dan barang siapa yang tidak mampu membaca surah-surah ini dengan baik, maka hendaklah dia memperbanyakkan membaca surah al-Ikhlāṣ.

Dan hendaklah engkau memperbanyakkan Selawat ke atas Rasulullah ﷺ pada hari ini secara khusus [kerana anjuran yang khusus daripada Rasulullah ﷺ berkenaan].

### [Apabila Imam Telah Keluar untuk Berkhutbah]

Dan apabila imam telah keluar untuk naik ke mimbar, maka hendaklah engkau memutuskan/memberhentikan sebarang solat sunat dan kata-

kata, serta sibukkanlah dirimu untuk menjawab azan dan kemudiannya mendengar khutbah dan mengambil pengajaran daripadanya.

Dan tinggalkanlah sebarang percakapan ketika imam sedang membaca khutbah kerana di dalam khabar (hadith) ada menyatakan bahawa sesungguhnya:

«مَنْ قَالَ لِصَاحِبِهِ وَالْإِمَامُ يَخْطُبُ: أَنْصِتْ، أَوْ صَهْ؛ فَقَدْ لَغَّا، وَمَنْ لَغَّا فَلَا جُمُعَةَ لَهُ»

“Barang siapa yang berkata kepada sahabatnya pada waktu Imam sedang berkhutbah walaupun dengan berkata: “Diam,” sekalipun, maka sesungguhnya dia telah lagha dan barang siapa yang laghā (melakukan perbuatan sia-sia), maka tiadalah [ganjaran pahala] Jumaat [yang sempurna] baginya.”

Ini adalah kerana kata-katanya “Diam” itu adalah merupakan percakapan. Sekiranya dia mahu menghalang/menegah orang lain [daripada laghā atau kesalahan], maka hendaklah dia melakukannya dengan isyarat dan bukan dengan kata-kata.

Kemudian, hendaklah engkau mengikut solat imam [dengan menjaga adab-adab solat berjemaah] sepertimana yang telah diterangkan sebelum ini.

---

### [Amalan Selepas Selesai Solat Jumaat]

---

#### [Empat (4) Surah Sebanyak Tujuh (7) Kali Setiap Satu]

---

Dan apabila engkau selesai melakukan solat Jumaat dan memberi salam, maka bacalah surah al-Fātiḥah sebelum engkau berkata-kata sebanyak tujuh (7) kali, surah al-Ikhlas sebanyak tujuh (7) kali, surah al-Falaq dan surah al-Nās juga sebanyak tujuh (7) kali [setiap satu], maka amalan itu akan memeliharamu (/menjadi sebab

pemeliharaanmu) dari satu Jumaat kepada Jumaat yang akan datang, dan ia menjadi pelindung bagimu daripada syaitan.

Jadual 4: Surah Al-Fātiḥah Dan Tiga (3) Qul Selepas Solat Jumaat

Bil.	Surah	Kekerapan
1.	Surah al-Fātiḥah	7 kali
2.	Surah al-Ikhlas	7 kali
3.	Surah al-Falaq	7 kali
4.	Surah al-Nās	7 kali

### [Doa]

Dan ucapkanlah doa ini selepas itu:

اللّٰهُمَّ، يَا غَنِيًّا، يَا حَمِيدًا، يَا مُبْدِئًا، يَا مُعِيدًا، يَا رَحِيمًا، يَا وَدُودًا، أَغْنِنِي بِحَلَالِكَ عَنْ حَرَامِكَ، وَبِطَاعَتِكَ عَنْ مَعْصِيَتِكَ، وَبِفَضْلِكَ عَمَّنْ سِوَاكَ

“Ya Allah, wahai Yang Maha Kaya, wahai Yang Maha Terpuji, wahai Yang Maha Memulakan, wahai Yang Maha Mengembalikan, wahai Yang Maha Pengasih, wahai Yang Penuh Kasih.

Kayakanlah daku dengan kurniaan rezeki yang halal daripada-Mu, daripada perkara yang diharamkan oleh-Mu, dan [kayakanlah daku] dengan ketaatan kepada-Mu daripada melakukan maksiat terhadap-Mu, dan [kayakanlah daku] dengan limpah kurnia-Mu daripada [berhajat kepada] selain-Mu.”

### [Solat Ba‘diyyah Jumaat]

Kemudian lakukanlah solat sunat selepas (*ba‘diyyah*) Jumaat sebanyak dua (2) rakaat atau empat (4) rakaat atau enam (6) rakaat, dengan dua (2) rakaat setiap satu solat [jika dilakukan lebih daripada dua (2) rakaat], maka setiap dari amalan berikut telah diriwayatkan daripada Baginda Rasulullah ﷺ dalam keadaan yang berbeza-beza.

## [Beriktikaf di Masjid]

Kemudian, lazimkanlah (/kekalkanlah) dirimu di dalam masjid sehingga waktu Maghrib atau sehingga waktu Asar dan hendaklah engkau sentiasa memerhatikan dengan bersungguh-sungguh waktu yang mulia tersebut, ini adalah kerana [waktu mustajab tersebut] tidak ditentukan secara jelas, namun ia pasti berada pada salah satu bahagian masa (*sā'ah*) dari keseluruhan siang hari Jumaat. Mudah-mudahan engkau mendapatkan waktu tersebut dalam keadaan engkau khusyuk kepada Allah dan tunduk kepadanya.

Dan janganlah engkau hadir di dalam masjid jamek itu majlis-majlis perhimpunan atau majlis-majlis pencerita-pencerita, akan tetapi hendaklah engkau menghadirkan dirimu dalam majlis ilmu yang bermanfaat.

*وَهُوَ الَّذِي يَزِيدُ فِي خُوفِكَ مِنَ اللَّهِ تَعَالَى، وَيَنْقُصُ مِنْ رَغْبَتِكَ فِي الدُّنْيَا*

“Dan ilmu yang bermanfaat itu adalah ilmu yang menambah ketakutanmu kepada Allah ﷺ dan yang mengurangkan kecintaanmu terhadap dunia.”

Maka mana-mana ilmu yang tidak menyeru dirimu dari berpaling meninggalkan dunia kepada akhirat, maka kejahilan bagi ilmu itu lebih sesuai atau lebih baik bagimu berbanding pengetahuan berkenaannya.

Dan mintalah perlindungan dengan Allah daripada ilmu yang tidak memberi manfaat.

---

## [Memperbanyakkan Doa]

---

Dan hendaklah engkau memperbanyakkan doa:

- ketika terbitnya matahari dan
- ketika tergelincirnya matahari dan
- ketika terbenamnya matahari dan
- ketika iqamah untuk solat Jumaat [dilakukan] dan
- ketika khatib naik ke atas mimbar dan
- ketika orang ramai berdiri untuk melakukan solat Jumaat,

kerana saat yang mustajab pada hari tersebut sangat diharapkan untuk berlaku pada sebahagian daripada waktu-waktu [yang disebutkan] ini.

---

## [Bersedekah]

---

Dan berusahalah untuk engkau bersedekah pada hari [Jumaat] ini dengan apa yang kau mampu walaupun sedikit.

---

Maka dengan ini engkau telah menghimpunkan di antara ibadah solat, puasa, sedekah, pembacaan Al-Quran, zikrullah, iktikaf dan ribāt (mengikat diri di jalan Allah) [pada hari yang mulia ini].

Dan jadikanlah hari ini dalam seminggu sebagai hari yang khusus untuk akhiratmu, maka mudah-mudahan ia menjadi *kaffārah* (penghapus dosa) bagi [dosa-dosamu yang dilakukan pada] hari-hari yang lain dalam seminggu.